



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8, KOMPLEKS E
Level 8, Block E8, Complex E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld. 10(39)
Tarikh : 24 Mac 2025

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 4 TAHUN 2025

GARIS PANDUAN SISTEM PENGESANAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA (SiPKPM) DALAM MENGURUS MURID BERISIKO CICIR DAN MURID
CICIR DI SEKOLAH BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

TUJUAN

Surat pekeliling ikhtisas (SPI) ini bertujuan memaklumkan berkenaan Garis Panduan Sistem Pengesanan Kementerian Pendidikan Malaysia (SiPKPM) dalam Mengurus Murid Berisiko Cicir dan Murid Cicir di Sekolah bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

LATAR BELAKANG

2. Inisiatif Peningkatan Akses dari Prasekolah hingga Menengah Atas dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 memfokuskan kepada strategi peningkatan enrolmen pada semua peringkat pendidikan termasuk usaha menangani keciciran murid di sekolah.

3. Selaras dengan hasrat berkenaan, KPM mengambil pendekatan bersepadu untuk memastikan pihak sekolah dapat mengesan lebih awal murid berisiko cicir yang menyumbang kepada peningkatan peratus keciciran di sekolah.

4. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 4 Tahun 2025 pada 6 Februari 2025 meluluskan Garis Panduan Sistem Pengesanan Kementerian Pendidikan Malaysia (SiPKPM) dalam Mengurus Murid Berisiko Cicir dan Murid Cicir di Sekolah bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

PELAKSANAAN

5. Garis Panduan Sistem Pengesanan Kementerian Pendidikan Malaysia (SiPKPM) dalam Mengurus Murid Berisiko Cicir dan Murid Cicir di Sekolah bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang disertakan bersama-sama SPI ini memberikan penjelasan tentang SiPKPM supaya pihak jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah dapat mengambil tindakan segera dengan merancang dan melaksanakan intervensi yang bersesuaian. Tindakan ini penting bagi memastikan murid berisiko cicir dan murid cicir yang dikenal pasti kekal dalam sistem persekolahan sehingga tamat pendidikan peringkat rendah dan menengah. Seterusnya, pematuhan garis panduan ini juga dapat memastikan intervensi murid berisiko cicir dan murid cicir dijalankan secara sistematik dan berfokus.

TARIKH KUAT KUASA

6. Surat pekeliling ikhtisas ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai tarikh SPI ini dikeluarkan.

PEMBATALAN

7. Dengan berkuatkuasanya SPI ini, Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 4 Tahun 2018: Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir di Sekolah bertarikh 31 Mei 2018 adalah **terbatal**.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

8. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan SPI ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, JPN, PPD dan sekolah bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**GARIS PANDUAN
SISTEM PENGESANAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA (SiPKPM) DALAM MENGURUS MURID
BERSIKO CICIR DAN MURID CICIR DI SEKOLAH
BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
2025**

BIL	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Pengenalan	1
A	BAHAGIAN A : MURID BERISIKO CICIR	
A.1	TUJUAN	3
A.2	OBJEKTIF	3
A.3	TAFSIRAN	4
A.4	RUJUKAN DASAR	4
A.5	PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	4
A.6	PENUTUP : Murid Berisiko Cicir	16
	Carta Alir Pelaksanaan Mengurus Murid Berisiko Cicir di Sekolah Bawah KPM	
	LAMPIRAN A : Kementerian Pendidikan Malaysia	17
	LAMPIRAN B : Jabatan Pendidikan Negeri	18
	LAMPIRAN C : Pejabat Pendidikan Daerah	19
	LAMPIRAN D : Sekolah	20
	LAMPIRAN E: Rubrik Instrumen Kriteria Murid Berisiko Cicir	21
B	BAHAGIAN B : MURID CICIR	
B.1	TUJUAN	22
B.2	OBJEKTIF	22

B.3	TAFSIRAN	23
B.4	RUJUKAN DASAR	23
B.5	PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	23
B.6	PENUTUP : Murid Cicir	34
	Carta Alir Pelaksanaan Mengurus Murid Cicir di Sekolah Bawah KPM	
	LAMPIRAN F : Kementerian Pendidikan Malaysia	35
	LAMPIRAN G : Jabatan Pendidikan Negeri	36
	LAMPIRAN H : Pejabat Pendidikan Daerah	37
	LAMPIRAN I : Sekolah	38

**GARIS PANDUAN SISTEM PENGESANAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (SiPKPM) DALAM MENGURUS
MURID BERISIKO CICIR DAN MURID CICIR DI SEKOLAH
BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

PENGENALAN

Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) telah menyatakan supaya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan inisiatif bagi mengurangkan kadar keciciran dan memastikan enrolmen sejagat dicapai menjelang tahun 2025. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 juga menyatakan bahawa antara aspirasi sistem ialah menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti untuk semua kanak-kanak. Dalam pelan tersebut, Inisiatif Peningkatan Akses daripada Prasekolah hingga Menengah Atas merupakan inisiatif utama yang memfokuskan kepada strategi peningkatan enrolmen pada semua peringkat pendidikan termasuk usaha menangani keciciran murid di sekolah.

Walaupun pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh KPM bagi meningkatkan enrolmen, namun isu murid cicir di sekolah rendah dan menengah masih berlaku sehingga kini. Pada tahun 2024, secara keseluruhan peratus murid yang tercicir dari sekolah rendah adalah 0.06 peratus dan sekolah menengah adalah 0.64 peratus.

KPM juga telah melaksanakan pengesanan awal bagi murid berisiko cicir iaitu murid warganegara yang berada dalam sistem pendidikan (bersekolah) tetapi menunjukkan kebarangkalian yang tinggi untuk keluar daripada sistem sebelum tamat tempoh pendidikan. Secara keseluruhan, didapati sebanyak 2.00 peratus murid sekolah rendah dan 4.30 peratus murid sekolah menengah menghadapi risiko cicir tahap tinggi pada tahun 2024.

Sehubungan dengan itu, KPM berhasrat untuk memastikan pihak sekolah dapat mengesan lebih awal murid yang berpotensi menyumbang kepada peningkatan peratus keciciran di sekolah. Oleh itu, Garis Panduan Sistem Pengesanan Kementerian Pendidikan Malaysia (SiPKPM) dalam Mengurus Murid Berisiko Cicir dan Murid Cicir di Sekolah bawah Kementerian Pendidikan Malaysia ini adalah sebagai rujukan utama bagi pihak sekolah. Garis panduan ini menjelaskan peranan dan tanggungjawab serta langkah yang perlu dilaksanakan oleh pihak sekolah bagi mengatasi isu keciciran murid di sekolah.

Kandungan garis panduan dibahagikan kepada dua kategori iaitu:

Bahagian A: berfokus kepada kumpulan murid berisiko cicir; dan

Bahagian B: berfokus kepada kumpulan murid cicir.

BAHAGIAN A: MURID BERISIKO CICIR

A.1 TUJUAN

Garis Panduan Sistem Pengesanan Kementerian Pendidikan Malaysia (SiPKPM) dalam Mengurus Murid Berisiko Cicir dan Murid Cicir di Sekolah bawah Kementerian Pendidikan Malaysia ini disediakan untuk menjelaskan peranan dan tanggungjawab setiap peringkat pengguna dalam SiPKPM agar tadbir urus dan pengurusan data murid berisiko cicir pada peringkat KPM lebih sistematik dan berkesan. Garis panduan ini juga sebagai rujukan pegawai di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD), pengetua dan guru besar sekolah yang berikut:

- a. Sekolah kerajaan; dan
- b. Sekolah bantuan kerajaan.

A.2 OBJEKTIF

Objektif Garis Panduan Sistem Pengesanan Kementerian Pendidikan Malaysia (SiPKPM) dalam Mengurus Murid Berisiko Cicir dan Murid Cicir di Sekolah bawah Kementerian Pendidikan Malaysia ini adalah seperti yang berikut:

- 2.1 Membantu pihak sekolah, PPD, JPN dan KPM mengenal pasti murid berisiko cicir;
- 2.2 Membantu pihak sekolah, PPD, JPN dan KPM mengurus murid berisiko cicir secara berkesan dan sistematik;
- 2.3 Membantu pihak sekolah, PPD, JPN dan KPM merancang intervensi yang bersesuaian berdasarkan data murid berisiko cicir yang telah dikenal pasti; dan
- 2.4 Memastikan pemantauan murid khususnya murid berisiko cicir dapat dibuat oleh pihak sekolah, PPD, JPN dan KPM secara berterusan.

A.3 TAFSIRAN

- 3.1 **Murid berisiko cicir** merujuk kepada murid warganegara Malaysia yang berada dalam sistem pendidikan (bersekolah di sekolah KPM) tetapi menunjukkan kebarangkalian yang tinggi untuk keluar daripada sistem sebelum tamat tempoh pendidikan (Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir 2018).
- 3.2 **Intervensi** merujuk kepada pendekatan atau usaha yang dilakukan oleh pihak sekolah, PPD, JPN dan KPM dalam memastikan murid berisiko cicir kekal dalam sistem persekolahan sehingga tamat tempoh persekolahan iaitu sehingga Tahun 6 pada peringkat sekolah rendah dan sehingga Tingkatan 5 pada peringkat sekolah menengah.

A.4 RUJUKAN DASAR

- 4.1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025; dan
- 4.2 Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

A.5 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Mengurus isu keciciran murid di sekolah khususnya murid berisiko cicir adalah menjadi peranan dan tanggungjawab bagi semua pihak di KPM iaitu Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), Bahagian Pendidikan Khas (BP Khas), Bahagian Pendidikan Swasta (BP Swasta), Bahagian Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional (BPLTV), Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Bahagian Sukan, Kesenian dan Kokurikulum (BSKK), Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh (BPSBP), Bahagian PERMATA, (BPERMATA) JPN, PPD, Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti & Swasta (PIBKS), sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

5.0 Peranan Bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia

Garis Panduan SiPKPM ini perlu dilaksanakan dengan kerjasama BPPDP, BPSH, BPSwasta, BPLTV, BPI, BSKK, BPSBP, BPKhas dan BPERMATA yang terlibat dengan tadbir urus pengoperasian sekolah. Peranan BPPDP, BPSH, BPSwasta, BPLTV, BPI, BSKK, BPSBP, BPKhas dan BPERMATA adalah seperti yang berikut:

5.1 Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

- 5.1.1 Merancang dan menyelaraskan pelaksanaan pengurusan data dalam SiPKPM bagi murid berisiko cicir peringkat kebangsaan;
- 5.1.2 Menganalisis data murid berisiko cicir peringkat kebangsaan pada setiap bulan;
- 5.1.3 Mengadakan mesyuarat bagi membincangkan dan membuat keputusan mengenai laporan murid berisiko cicir;
- 5.1.4 Melaporkan pelaksanaan pengurusan murid berisiko cicir peringkat kebangsaan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pendekatan Bersepadu Menangani Keciciran Murid; dan
- 5.1.5 Membuat penambahbaikan SiPKPM bagi pengurusan data murid berisiko cicir.

5.2 Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

5.2.1 Sektor Perancangan dan Pengurusan Sekolah 1 Unit Pengurusan Pendaftaran Murid

- i. Memberi khidmat nasihat kepada Pegawai Pengurus Pendaftaran Murid di Sektor Pengurusan Sekolah (SPS), JPN berkaitan pengurusan data murid berisiko cicir di sekolah harian bawah seliaan BPSH; dan

- ii. Menyelaras pemantapan pelaksanaan Jawatankuasa Peningkatan Enrolmen Pendidikan Menengah (JPEM) peringkat JPN serta PPD dan di sekolah harian bawah seliaan BPSH.

5.2.2 Sektor Pengurusan Hal Ehwal Murid

Unit Pembangunan Sahsiah Murid

- i. Menjadi Ahli Jawatankuasa Program Intervensi Murid Berisiko Cicir;
- ii. Membuat verifikasi dan menyelaras data berkaitan salah laku disiplin dan kehadiran murid pada peringkat kebangsaan;
- iii. Menganalisis data Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) salah laku ponteng murid pada peringkat kebangsaan;
- iv. Menganalisis data kehadiran murid melalui e-Kehadiran pada peringkat kebangsaan;
- v. Merancang dan menyelaras program berkaitan sahsiah murid pada peringkat kebangsaan; dan
- vi. Menganalisis dan merumus sebab-sebab ketidakhadiran murid dengan sistematik untuk tindakan selanjutnya pihak terlibat pada peringkat kebangsaan.

Unit Pengurusan Kaunseling dan Kerjaya Murid

- i. Merancang, mentadbir, mengemaskini, menganalisis, mentafsir dan melapor Program Intervensi Murid Berisiko Cicir dengan sistematik dan berkesan dari semasa ke semasa;
- ii. Memastikan pelaksanaan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir pada peringkat pengoperasian di JPN, PPD dan sekolah selaras dengan arahan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh KPM;

- iii. Menggerakkan Ahli Jawatankuasa Program Intervensi Murid Berisiko Cicir secara bersepadu dengan mengadakan sesi libat urus, mesyuarat, bengkel, khidmat bantu berhubung Program Intervensi Murid Berisiko Cicir pada peringkat kebangsaan;
- iv. Merumuskan aktiviti dan hasil dapatan data Program Intervensi Murid Berisiko Cicir yang telah dilaksanakan melalui pelaporan dari pihak JPN;
- v. Membuat penilaian program, modul, instrumen, pendekatan dan sebagainya secara menyeluruh bagi memastikan mutu dan profesionalisme perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan beretika di semua peringkat; dan
- vi. Mengawal selia program yang dirancang oleh agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta pihak berkepentingan berhubung Program Intervensi Murid Berisiko Cicir.

5.3 Bahagian Pendidikan Islam

- 5.3.1 Menjadi Ahli Jawatankuasa Program Intervensi Murid Berisiko Cicir pada peringkat KPM;
- 5.3.2 Memuat turun data dan pelaporan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) daripada SiPKPM;
- 5.3.3 Bekerjasama dengan BPSH bagi menyelaras pengurusan isu murid berisiko cicir di SMKA dan SABK;
- 5.3.4 Merancang, melaksana, memantau dan menilai Program Intervensi Murid Berisiko Cicir bersama-sama BPSH pada peringkat KPM; dan
- 5.3.5 Mengadakan mesyuarat untuk membincangkan dan membuat keputusan mengenai laporan murid berisiko cicir di SMKA dan SABK.

5.4 Bahagian Pendidikan Khas

- 5.4.1 Menjadi Ahli Jawatankuasa Program Intervensi Murid Berisiko Cicir pada peringkat KPM;
- 5.4.2 Menyelaras pengurusan murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) berisiko cicir di sekolah pendidikan khas (SPK), Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Program Pendidikan Inklusif (PPI); dan
- 5.4.3 Merancang, melaksana, memantau dan menilai pelaporan program intervensi MBPK berisiko cicir di SPK, PPKI dan PPI daripada SiPKPM.

5.5 Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional

- 5.5.1 Menjadi Ahli Jawatankuasa Program Intervensi Murid Berisiko Cicir pada peringkat KPM;
- 5.5.2 Mengenal pasti data murid berisiko cicir di Kolej Vokasional (KV) dan Sekolah Menengah Teknik (SMT) melalui SiPKPM;
- 5.5.3 Merancang dan menyelaras pelaksanaan pengurusan murid berisiko cicir di sekolah kawalan BPLTV;
- 5.5.4 Merancang, melaksana, memantau dan menilai Program Intervensi Murid Berisiko Cicir yang dilaksanakan di KV dan SMT; dan
- 5.5.5 Bekerjasama dengan JPN dalam memastikan murid mendapat tempat dan mendaftar di sekolah harian bagi setiap permohonan keluar dari KV dan SMT.

5.6 Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

- 5.6.1 Menjadi Ahli Jawatankuasa Program Intervensi Murid Berisiko Cicir pada peringkat KPM;
- 5.6.2 Mengenal pasti data murid berisiko cicir di Sekolah Sukan Malaysia (SSM) dan Sekolah Seni Malaysia (SSeM) melalui SiPKPM;

- 5.6.3 Merancang dan menyelaraskan pengurusan murid berisiko cicir di SSM dan SSeM;
- 5.6.4 Merancang, melaksana, memantau dan menilai Program Intervensi Murid Berisiko Cicir yang dilaksanakan di SSM dan SSeM; dan
- 5.6.5 Bekerjasama dengan JPN dalam memastikan murid mendapat tempat dan mendaftar di sekolah harian bagi setiap permohonan keluar dari SSM dan SSeM.

5.7 Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh

- 5.7.1 Menjadi Ahli Jawatankuasa Program Intervensi Murid Berisiko Cicir pada peringkat KPM;
- 5.7.2 Mengenal pasti data murid berisiko cicir di SBP melalui SiPKPM;
- 5.7.3 Merancang dan menyelaraskan pengurusan murid berisiko cicir di semua SBP;
- 5.7.4 Merancang, melaksana, memantau dan menilai laporan program intervensi dari SBP bagi murid berisiko cicir yang dilaksanakan di SBP; dan
- 5.7.5 Bekerjasama dengan JPN dalam memastikan murid mendapat tempat dan mendaftar di sekolah harian bagi setiap permohonan keluar dari SBP.

5.8 Bahagian PERMATA

- 5.8.1 Mengenal pasti data murid berisiko cicir daripada SiPKPM untuk peserta Program PERMATA Remaja; dan

- 5.8.2 Bekerjasama dengan BPSH dan JPN untuk menjalankan intervensi kepada peserta Program PERMATA Remaja yang dikategorikan sebagai murid berisiko cicir.

5.9 Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti & Swasta Kebangsaan

- 5.9.1 Bekerjasama dengan pihak BPSH bagi menyokong pelaksanaan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir bersama-sama agensi kerajaan yang berkaitan dan sektor swasta; dan
- 5.9.2 Melaporkan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir yang dijalankan oleh PIBKS kepada Unit Pengurusan Kaunseling dan Kerjaya Murid, BPSH melalui Mesyuarat Pengurusan *Focal Person* PIBKS Kebangsaan.

5.10 Peranan Jabatan Pendidikan Negeri

Garis Panduan SiPKPM ini perlu dilaksanakan dengan kerjasama Sektor Pengurusan Sekolah (SPS), Sektor Pembelajaran (SPb), Sektor Pendidikan Khas (SPKhas), dan Sektor Pembangunan Murid (SPM) melibatkan Unit Hal Ehwal Murid dan PIBKS Negeri.

5.10.1 Sektor Pengurusan Sekolah

- i. Merancang inisiatif berkaitan murid berisiko cicir bersama-sama *Focal Person* PIBKS Negeri;
- ii. Memastikan semua PPD menerima Garis Panduan SiPKPM berkaitan pengurusan murid berisiko cicir supaya dapat diurus secara berkesan dan sistematik di PPD masing-masing; dan
- iii. Menyelaraskan permohonan data murid berisiko cicir kepada sektor-sektor lain pada peringkat JPN sekiranya diperlukan.

5.10.2 Sektor Pembangunan Murid

Unit Hal Ehwal Murid (Kaunseling, Kerjaya dan Sahsiah Murid)

- i. Menerima data dari SPS dan menyelaras inisiatif Program Intervensi Murid Berisiko Cicir pada peringkat negeri bersama-sama SPS, SPb dan SPKhas;
- ii. Merancang, melaksana, mengawal selia serta menilai program dan aktiviti konsultasi dan rujukan berhubung dengan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir;
- iii. Merancang, mentadbir, memeriksa, merekod, menganalisis, mentafsir dan melapor Program Intervensi Murid Berisiko Cicir berdasarkan arahan KPM dari semasa ke semasa;
- iv. Menganalisis dan merumus hasil intervensi murid berisiko cicir peringkat negeri;
- v. Membentang, melapor dan menilai keberkesanan pelaksanaan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir kepada pengurusan tertinggi JPN; dan
- vi. Menambah baik pelaksanaan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir pada peringkat negeri bersama-sama SPS, SPb dan SPKhas.

5.10.3 Sektor Pendidikan Khas

- i. Menjadi Ahli Jawatankuasa Program Intervensi Murid Berisiko Cicir pada peringkat negeri;
- ii. Menerima data dari SPS dan merancang program intervensi MBPK berisiko cicir di SPK, PPKI dan PPI pada peringkat negeri; dan

- iii. Menganalisis data pelaporan program intervensi MBPK berisiko cicir di SPK, PPKI dan PPI daripada SiPKPM pada peringkat negeri.

5.10.4 Sektor Pendidikan Islam

Unit Pengurusan dan Pembangunan Pendidikan Islam

- i. Menjadi Ahli Jawatankuasa Program Intervensi Murid Berisiko Cicir pada peringkat JPN; dan
- ii. Bekerjasama dengan SPS dan SPM di JPN bagi menyelaraskan pengurusan isu murid berisiko cicir di SMKA dan SABK.

5.10.5 Sektor Pembelajaran

- i. Menjadi Ahli Jawatankuasa Program Intervensi Murid Berisiko Cicir pada peringkat negeri;
- ii. Merancang Program Peningkatan Profesionalisme kepada SPb di PPD dalam mengupayakan guru bagi meningkatkan minat dalam kalangan murid berisiko cicir dengan melaksanakan strategi pembelajaran terbeza; dan
- iii. Menganalisis keberkesanan Program Peningkatan Profesionalisme dalam usaha menyokong intervensi murid berisiko cicir.

5.11 Peranan Pejabat Pendidikan Daerah

5.11.1 Sektor Pengurusan Sekolah

- i. Memuat turun data murid berisiko cicir daripada SiPKPM pada peringkat daerah; dan
- ii. Menyelaraskan permohonan data murid berisiko cicir kepada sektor lain di PPD sekiranya diperlukan.

5.11.2 Sektor Pembangunan Murid

- i. Menerima data murid berisiko cicir pada peringkat daerah dari SPS;
- ii. Menyelaras Mesyuarat Pengurusan Murid Berisiko Cicir pada peringkat daerah bersama-sama SPS, SPb (Unit Pendidikan Khas) dan PIBKS Daerah;
- iii. Merancang, menetapkan garis masa, melaksana, mengawal selia dan memantau Program Intervensi Murid Berisiko Cicir pada peringkat daerah dan sekolah;
- iv. Menggerakkan *task force* di setiap peringkat dalam melaksanakan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir;
- v. Memantau pengisian pelaporan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir oleh sekolah di dalam SiPKPM; dan
- vi. Membentang, melapor dan menilai keberkesanan pelaksanaan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir kepada pengurusan PPD.

5.11.3 Sektor Pembelajaran

- i. Menjadi Ahli Jawatankuasa Program Intervensi Murid Berisiko Cicir pada peringkat daerah; dan
- ii. Mengupayakan guru di sekolah untuk meningkatkan minat dalam kalangan murid berisiko cicir dengan melaksanakan strategi pembelajaran terbeza.

5.12 Peranan Pengetua / Guru Besar (PGB)

- 5.12.1 Memastikan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir dijalankan pada peringkat sekolah;

- 5.12.2 Menjadikan isu murid berisiko cicir sebagai agenda tetap dalam mesyuarat pengurusan, mesyuarat guru dan mesyuarat PIBG di sekolah;
- 5.12.3 Memuat turun maklumat murid berisiko cicir daripada SiPKPM dan menyerahkan senarai tersebut kepada Guru Penolong Kanan Pentadbiran, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (GPK HEM), Guru Penolong Kanan Pendidikan Khas untuk tindakan selanjutnya;
- 5.12.4 Memastikan pelaporan dan dokumentasi Program Intervensi Murid Berisiko Cicir telah dikemas kini dalam sistem SiPKPM; dan
- 5.12.5 Memastikan penglibatan PIBG, komuniti dan agensi swasta dalam Program Intervensi Murid Berisiko Cicir.

5.13 Peranan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid

- 5.13.1 Membuat penataran mengenai Garis Panduan SiPKPM dalam mesyuarat guru;
- 5.13.2 Menyerahkan maklumat murid berisiko cicir daripada Guru Besar/Pengetua kepada guru bimbingan dan kaunseling (GBK), guru kelas/tingkatan untuk semakan dan tindakan lanjut; dan
- 5.13.3 Memastikan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir dijalankan oleh GBK.

5.14 Peranan Penyelaras Tahun/Tingkatan

- 5.14.1 Menyemak dan memastikan profil murid berisiko cicir dikemas kini oleh guru kelas; dan
- 5.14.2 Bekerjasama dengan semua guru kelas di bawah seliaan untuk memantau kehadiran murid berisiko cicir.

5.15 Peranan Guru Kelas

- 5.15.1 Mengemas kini dan membuat verifikasi maklumat murid berisiko cicir berdasarkan data yang dimuat turun oleh Pengetua/Guru Besar; dan
- 5.15.2 Menyambut dan menyokong pelaksanaan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir yang dilaksanakan.

5.16 Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling

- 5.16.1 Merancang dan melaksanakan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir secara berfokus;
- 5.16.2 Melengkapkan profil dan memastikan perekodan yang sistematik dalam pelaksanaan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir;
- 5.16.4 Bekerjasama dengan PIBG, Badan Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri untuk melaksanakan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir; dan
- 5.16.5 Membentang, melapor dan menilai keberkesanan pelaksanaan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir.


5.17 Peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru, Komuniti dan Swasta

- 5.17.1 Bekerjasama dengan pihak sekolah bagi mengatasi isu murid berisiko cicir;
- 5.17.2 Bekerjasama dengan pihak sekolah melaksanakan ziarah cakna (*outreach/jangkauan luar*) bagi membantu mengatasi masalah murid berisiko cicir; dan
- 5.17.3 Bekerjasama dengan pihak sekolah untuk meningkatkan kesedaran komuniti setempat dalam menangani isu murid berisiko cicir.


A.6 PENUTUP

Garis Panduan Sistem Pengesanan Kementerian Pendidikan Malaysia (SiPKPM) dalam Mengurus Murid Berisiko Cicir dan Murid Cicir di Sekolah bawah Kementerian Pendidikan Malaysia perlu dipatuhi oleh semua pihak yang berkenaan dan dimanfaatkan sepenuhnya supaya murid kekal dalam sistem persekolahan KPM. Seterusnya, pematuhan garis panduan ini juga dapat memastikan intervensi murid berisiko cicir dijalankan secara sistematik dan berfokus.


**CARTA ALIR PELAKSANAAN MENGRUS MURID BERISIKO CICIR
DI BAHAGIAN, KPM**



CARTA ALIR PELAKSANAAN MENGRUS MURID BERISIKO CICIR DI JPN




CARTA ALIR PELAKSANAAN MENGRUS MURID BERISIKO CICIR DI PPD



LAMPIRAN D

CARTA ALIR PELAKSANAAN MENGURUS MURID BERISIKO CICIR DI SEKOLAH



LAMPIRAN E

RUBRIK INSTRUMEN KRITERIA MURID BERISIKO CICIR

Faktor murid

Item	Pernyataan	Skor			
		1	2	3	4
1	Kehadiran Murid	tidak hadir 3 hari berturut-turut selepas diberi amaran pertama (tidak hadir 10 hari berturut-turut) atau tidak hadir 20 hari berturut-turut selepas diberi amaran pertama	tidak hadir 7 hari berturut-turut selepas diberi amaran kedua (tidak hadir 17 hari berturut-turut) atau tidak hadir 40 hari berturut-turut selepas diberi amaran kedua	tidak hadir 31 hari berturut-turut selepas diberi amaran ketiga (tidak hadir 17 hari berturut-turut) atau tidak hadir 60 hari berturut-turut selepas diberi amaran ketiga	tidak hadir melebihi 31 hari berturut-turut selepas diberi amaran ketiga atau tidak hadir melebihi 60 hari berturut-turut selepas diberi amaran ketiga
2	Pencapaian Akademik	Semua subjek mencapai minimum Tahap Penguasaan (TP) 3 <i>*tahap minimum tertakluk kepada pentaksiran semasa</i>	Tiga subjek mencapai minimum Tahap Penguasaan (TP) 3 <i>*tahap minimum tertakluk kepada pentaksiran semasa</i>	Satu atau dua subjek mencapai minimum Tahap Penguasaan (TP) 3 <i>*tahap minimum tertakluk kepada pentaksiran semasa</i>	Semua subjek tidak mencapai minimum Tahap Penguasaan (TP) 3 <i>*tahap minimum tertakluk kepada pentaksiran semasa</i>
3	Salah Laku Disiplin di Sekolah	tiada salah laku disiplin	melakukan salah laku disiplin ringan	melakukan salah laku disiplin sederhana	melakukan salah laku disiplin berat

Faktor Keluarga

Item	Pernyataan	Skor			
		1	2	3	4
1	Jarak Rumah dari Sekolah	kurang dari 2km	3km – 5km	6km – 10km	lebih dari 10km
2	Pendapatan Isi Rumah Sebulan	melebihi RM8000	RM3,001 – RM8,000	RM1,501 – RM 3,000	kurang daripada RM1,500 sebulan
3	Status Ibu Bapa/Penjaga	berkahwin	ibu atau bapa/ penjaga meninggal dunia	ibu bapa/penjaga meninggal dunia (yatim piatu)	ibu bapa/penjaga bercerai
4	Status OKU	Tidak	-	-	Ya

BAHAGIAN B: MURID CICIR

B.1 TUJUAN

Garis Panduan Sistem Pengesanan Kementerian Pendidikan Malaysia (SiPKPM) dalam Mengurus Murid Berisiko Cicir dan Murid Cicir di Sekolah bawah Kementerian Pendidikan Malaysia ini disediakan untuk menjelaskan peranan dan tanggungjawab setiap peringkat pengguna dalam SiPKPM agar tadbir urus dan pengurusan data murid cicir pada peringkat KPM lebih sistematik dan berkesan. Garis panduan ini juga sebagai rujukan pegawai di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD), pengetua dan guru besar sekolah yang berikut:

- a. Sekolah kerajaan; dan
- b. Sekolah bantuan kerajaan.

B.2 OBJEKTIF

Objektif Garis Panduan Sistem Pengesanan Kementerian Pendidikan Malaysia (SiPKPM) dalam Mengurus Murid Berisiko Cicir dan Murid Cicir di Sekolah bawah Kementerian Pendidikan Malaysia ini adalah seperti yang berikut:

- 2.1 Membantu pihak sekolah, PPD, JPN dan KPM mengenal pasti murid cicir daripada SiPKPM;
- 2.2 Membantu pihak sekolah, PPD, JPN dan KPM mengurus murid cicir secara berkesan dan sistematik;
- 2.3 Membantu pihak sekolah, PPD, JPN dan KPM merancang intervensi yang bersesuaian berdasarkan data murid cicir yang telah dikenal pasti; dan

- 2.4 Memastikan pemantauan murid khususnya murid cicir dapat dibuat oleh pihak sekolah, PPD, JPN dan KPM secara berterusan.

B.3 TAFSIRAN

- 3.1 **Murid cicir** merujuk kepada murid warganegara Malaysia yang berada dalam sistem pendidikan (bersekolah di sekolah KPM) tetapi keluar daripada sistem sebelum tamat tempoh pendidikan, tidak termasuk murid yang meninggal dunia, sakit kritikal, terapi rehabilitasi /intervensi, pindah ke luar negara dan dikecualikan oleh Menteri di bawah subseksyen 29A(3) Akta Pendidikan 1996 (Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir 2018).
- 3.2 **Intervensi** merujuk kepada pendekatan atau usaha yang dilakukan oleh pihak sekolah, PPD, JPN dan KPM dalam memastikan murid cicir kekal dalam sistem persekolahan sehingga tamat pendidikan rendah dan menengah.

B.4 RUJUKAN DASAR

- 4.1 Peraturan-peraturan (Pendidikan Wajib) 2002; dan
- 4.2 Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

B.5 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Mengurus isu keciciran murid di sekolah khususnya murid cicir adalah menjadi peranan dan tanggungjawab bagi semua pihak di KPM iaitu BPPDP, BPSH, BPKhas, BPSwasta, BPLTV, BPI, BSKK, BPSBP, BPERMATA, JPN, PPD, sekolah, PIBKS dan PIBG. Sementara BPPDP menyelaras data murid cicir melalui SiPKPM.

5.0 Peranan Bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia

Garis Panduan SiPKPM ini perlu dilaksanakan dengan kerjasama BPPDP, BPSH, BPSwasta, BPLTV, BPI, BSKK, BPSBP, BPERMATA yang terlibat dengan tadbir urus pengoperasian sekolah. Antara peranan BPPDP, BPSH, BPSwasta, BPLTV, BPI, BSKK, BPSBP, BPKhas dan BPERMATA adalah seperti berikut:

5.1 Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

- 5.1.1 Merancang dan menyelaraskan pelaksanaan pengurusan data dalam SiPKPM bagi murid cicir peringkat kebangsaan;
- 5.1.2 Membuat permohonan data individu murid **seperti pada 30 Jun setiap tahun** bagi sekolah di bawah seliaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Kementerian Pertahanan (Maktab Tentera Diraja) dan sekolah swasta yang lain.
- 5.1.3 Menyerahkan semua data individu murid dari sekolah di bawah KPM, JAKIM, MARA, Kementerian Pertahanan (Maktab Tentera Diraja) dan sekolah swasta yang lain kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tujuan padanan data kelahiran **sebelum atau pada 31 Julai setiap tahun**.
- 5.1.4 Menilai laporan program intervensi oleh JPN/PPD/sekolah dalam SiPKPM;
- 5.1.5 Menganalisis data murid cicir pada peringkat kebangsaan setiap bulan;
- 5.1.6 Mengadakan mesyuarat bagi membincangkan dan membuat keputusan mengenai laporan data murid cicir;

- 5.1.7 Melaporkan pelaksanaan pengurusan data murid cicir peringkat kebangsaan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pendekatan Bersepadu Menangani Keciciran;
- 5.1.8 Menilai dan menambah baik keberkesanan pengurusan data murid cicir; dan
- 5.1.9 Memastikan SiPKPM berfungsi untuk mengeluarkan data murid cicir yang sahih untuk digunakan oleh KPM, JPN, PPD dan pihak sekolah.

5.2 Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

5.2.1 Sektor Perancangan dan Pengurusan Sekolah 1

Unit Pengurusan Pendaftaran Murid

- i. Memberi khidmat nasihat kepada Pegawai Pengurus Pendaftaran Murid di SPS, JPN berkaitan pengurusan data murid cicir di sekolah harian bawah seliaan BPSH; dan
- ii. Menyelaraskan pemantapan pelaksanaan Jawatankuasa Peningkatan Enrolmen Pendidikan Menengah (JPEM) peringkat JPN serta PPD dan di sekolah harian bawah seliaan BPSH.

5.2.2 Sektor Pengurusan Hal Ehwal Murid

Unit Pengurusan Kaunseling dan Kerjaya Murid

- i. Merancang, mentadbir, mengemaskini, menganalisis, mentafsir dan melapor Program Intervensi Murid Cicir dengan sistematik dan berkesan dari semasa ke semasa;

- ii. Memastikan pelaksanaan Program Intervensi Murid Cicir pada peringkat pengoperasian di JPN, PPD dan sekolah selaras dengan arahan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh KPM;
- iii. Menggerakkan Jawatankuasa Intervensi Murid Cicir secara bersepadu dengan mengadakan sesi libat urus, mesyuarat, bengkel, khidmat bantu berhubung Program Intervensi Murid Cicir pada peringkat kebangsaan;
- iv. Merumuskan aktiviti dan hasil dapatan data Program Intervensi Murid Cicir yang telah dilaksanakan melalui pelaporan daripada pihak JPN;
- v. Membuat penilaian program, modul, instrumen, pendekatan dan sebagainya secara menyeluruh bagi memastikan mutu dan profesionalisme perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan beretika di semua peringkat; dan
- vi. Mengawal selia program yang dirancang oleh agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta pihak berkepentingan berhubung Program Intervensi Murid Cicir.

5.3 Bahagian Pendidikan Swasta

- 5.3.1 Menyelaras data dan maklumat murid dari sekolah swasta yang berdaftar dengan KPM bagi tujuan padanan data dalam SiPKPM; dan
- 5.3.2 Melaporkan data dan maklumat murid **seperti pada 30 Jun setiap tahun** dari sekolah swasta yang berdaftar dengan KPM kepada BPPDP **sebelum atau pada 15 Julai setiap tahun.**

5.4 Bahagian Pendidikan Islam

- 5.4.1 Menjadi Ahli Jawatankuasa Program Intervensi Murid Cicir pada peringkat KPM;
- 5.4.2 Memuat turun data dan pelaporan Program Intervensi Murid Cicir di SMKA dan SABK daripada SiPKPM;
- 5.4.3 Bekerjasama dengan BPSH bagi menyelaras pengurusan isu murid cicir di SMKA dan SABK;
- 5.4.4 Merancang, melaksana, memantau dan menilai penambahbaikan Program Intervensi Murid Cicir bersama-sama BPSH pada peringkat KPM; dan
- 5.4.5 Mengadakan mesyuarat mengenai laporan murid cicir di SMKA dan SABK.

5.5 Bahagian Pendidikan Khas

- 5.5.1 Menjadi Ahli Jawatankuasa Program Intervensi Murid Cicir pada peringkat KPM;
- 5.5.2 Menyelaras pengurusan MBPK cicir di SPK, PPKI dan PPI; dan
- 5.5.3 Memantau pelaporan program intervensi MBPK cicir di SPK, PPKI dan PPI daripada SiPKPM.

5.6 Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional

- 5.6.1 Menjadi Ahli Jawatankuasa Program Intervensi Murid Cicir pada peringkat KPM;
- 5.6.2 Merancang dan menyelaras pelaksanaan pengurusan murid cicir di sekolah kawalan BPLTV;

- 5.6.3 Mengenal pasti dan menganalisis data murid cicir di KV dan SMT melalui SiPKPM;
- 5.6.4 Merancang, melaksana, memantau dan menilai pelaporan Program Intervensi Murid Cicir KV dan SMT; dan
- 5.6.5 Bekerjasama dengan JPN dalam memastikan murid ditempatkan di sekolah harian bagi setiap permohonan keluar dari KV dan SMT.

5.7 Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

- 5.7.1 Menjadi Ahli Jawatankuasa Program Intervensi Murid Cicir pada peringkat KPM;
- 5.7.2 Merancang dan menyelaras pelaksanaan pengurusan murid cicir di SSM dan SSeM;
- 5.7.3 Mengenal pasti data murid cicir di SSM dan SSeM melalui SiPKPM;
- 5.7.4 Merancang, melaksana, memantau dan menilai Program Intervensi Murid Cicir yang dilaksanakan di SSM dan SSeM; dan
- 5.7.5 Bekerjasama dengan BPSH bagi menyelaras pengurusan isu murid cicir di SSM dan SSeM.

5.8 Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh

- 5.8.1 Menjadi Ahli Jawatankuasa Program Intervensi Murid Cicir pada peringkat KPM;
- 5.8.2 Merancang dan menyelaras pelaksanaan pengurusan murid cicir di SBP;
- 5.8.3 Mengenal pasti murid cicir di SBP melalui SiPKPM;

5.8.4 Merancang, melaksana, memantau dan menilai Program Intervensi Murid Cicir yang dilaksanakan di SBP; dan

5.8.5 Bekerjasama dengan BPSH bagi menyelaraskan pengurusan isu murid cicir di SBP.

5.10 Jabatan Pendidikan Negeri

5.10.1 Sektor Pengurusan Sekolah

- i. Merancang program intervensi bersama-sama SPM dan *Focal Person* PIBKS Negeri berkaitan murid cicir;
- ii. Menyelaraskan isu data murid cicir untuk semua sekolah harian di bawah pentadbiran JPN termasuk kelas PPKI, SPK, sekolah jenis khas, sekolah sukan negeri, SMKA dan SABK;
- iii. Menyebarkan Garis Panduan SiPKPM kepada semua PPD di bawah seliaan untuk memastikan isu murid cicir dapat diurus secara berkesan dan sistematik di PPD masing-masing; dan
- iv. Mengurus proses kelulusan bersekolah semula bagi murid cicir dalam tempoh 14 hari bekerja.

5.10.2 Sektor Pengurusan Sekolah

Unit Pendidikan Swasta

- i. Mengumpul dan merekod data serta maklumat berkaitan murid dari sekolah swasta yang berdaftar di bawah negeri masing-masing bagi tujuan padanan data dalam SiPKPM; dan
- ii. Melaporkan data serta maklumat berkaitan murid dari sekolah swasta yang berdaftar di bawah negeri masing-masing kepada BPSwasta.

5.10.3 Sektor Pembangunan Murid

Unit Hal Ehwal Murid (Kaunseling dan Kerjaya Murid)

- i. Memuat turun dan menyelaraskan data murid cicir daripada SiPKPM pada peringkat negeri bersama-sama SPS, SPb dan SPKhas;
- ii. Merancang, menetapkan garis masa dan mengawal selia Program Intervensi Murid Cicir dan memastikan pelaksanaan pada peringkat pengoperasian di PPD dan sekolah;
- iii. Menggerakkan *task force* di setiap peringkat dalam melaksanakan Program Intervensi Murid Cicir; dan
- iv. Membentang, melapor dan menilai keberkesanan pelaksanaan program murid cicir kepada pengurusan tertinggi JPN.

5.10.4 Sektor Pembelajaran

- i. Menjadi Ahli Jawatankuasa Program Intervensi Murid Cicir pada peringkat negeri;
- ii. Menyelaraskan Program Peningkatan Profesionalisme kepada SISC+ di PPD dalam mengupayakan guru akademik bagi meningkatkan minat dalam kalangan murid cicir yang telah kembali ke sekolah; dan
- iii. Menganalisis keberkesanan Program Peningkatan Profesionalisme dalam usaha menyokong intervensi murid cicir.

5.11 Peranan Pejabat Pendidikan Daerah

5.11.1 Sektor Pengurusan Sekolah

- i. Memuat turun data murid cicir daripada SiPKPM pada peringkat daerah;
- ii. Membantu SPM untuk melaksanakan Program Intervensi Murid Cicir; dan
- iii. Mengurus proses kelulusan bersekolah semula bagi murid cicir dalam tempoh 14 hari bekerja.

5.11.2 Sektor Pembangunan Murid

- i. Menerima data murid cicir pada peringkat daerah dari SPS;
- ii. Menyelaras Mesyuarat Pengurusan Murid Cicir pada peringkat daerah bersama-sama SPS, SPb (Unit Pendidikan Khas) dan PIBKS Daerah;
- iii. Merancang, menetapkan garis masa, melaksanakan dan mengawal selia Program Intervensi Murid Cicir pada peringkat daerah dan sekolah;
- iv. Melaksanakan penataran berkaitan data dan Program Intervensi Murid Cicir;
- v. Menggerakkan *task force* di setiap peringkat dalam melaksanakan Program Intervensi Murid Cicir;
- vi. Memantau pengisian pelaporan Program Intervensi Murid Cicir oleh sekolah di dalam SiPKPM; dan
- vii. Membentang, melapor dan menilai keberkesanan pelaksanaan program murid cicir kepada pengurusan PPD.

5.11.3 Sektor Pengurusan Sekolah

Unit Pendidikan Swasta

- i. Mengumpul dan merekod data serta maklumat murid dari sekolah swasta yang berdaftar di bawah daerah masing-masing bagi tujuan padanan data dalam SiPKPM; dan
- ii. Melaporkan data serta maklumat murid dari sekolah swasta yang berdaftar di bawah daerah masing-masing kepada Unit Pendidikan Swasta (JPN).

5.11.4 Sektor Pendidikan Islam

Unit Pengurusan dan Pembangunan Pendidikan Islam

- i. Menjadi Ahli Jawatankuasa Program Intervensi Murid Cicir pada peringkat JPN; dan
- ii. Bekerjasama dengan SPS dan SPM di JPN bagi menyelaraskan pengurusan isu murid cicir di SMKA dan SABK.

5.12 Peranan Pengetua/Guru Besar (PGB)

- 5.12.1 Memastikan Program Intervensi Murid Cicir dijalankan mengikut garis panduan SiPKPM;
- 5.12.2 Memastikan isu murid cicir sebagai agenda tetap dalam mesyuarat pengurusan, mesyuarat guru dan Mesyuarat Agung PIBG; dan
- 5.12.3 Memuat turun senarai dan maklumat murid cicir daripada SiPKPM serta menyerahkan senarai tersebut kepada GPK HEM untuk tindakan selanjutnya.

5.13 Peranan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid

- 5.13.1 Melaksanakan penataran Garis Panduan SiPKPM dalam mesyuarat guru dan mesyuarat PIBG;
- 5.13.2 Membentangkan kes murid cicir untuk program intervensi yang dijalankan oleh komuniti dan agensi luar;
- 5.13.3 Memastikan garis panduan ini dipatuhi di sekolah; dan
- 5.13.4 Menerima dan mendaftar semula murid dalam sistem KPM.

5.14 Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling

- 5.14.1 Mengenal pasti keperluan Program Intervensi Murid Cicir dengan murid, guru, pentadbir, kakitangan sekolah, ibubapa dan alumni;
- 5.14.2 Merancang dan melaksanakan Program Intervensi Murid Cicir secara berfokus;
- 5.14.3 Memastikan perekodan yang sistematik bagi pelaksanaan Program Intervensi Murid Cicir dalam SiPKPM;
- 5.14.4 Bekerjasama dengan PIBG, NGO serta Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk melaksanakan Program Intervensi Murid Cicir;
- 5.14.5 Menjadikan isu murid cicir antara agenda utama bersama-sama PIBG; dan
- 5.14.6 Membentang, melapor dan menilai keberkesanan pelaksanaan Program Intervensi Murid Cicir.


5.15 Peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru dan Komuniti

- 5.15.1 Bekerjasama dengan PIBKS dan pihak sekolah bagi mengatasi isu murid cicir;
- 5.15.2 Bekerjasama dengan PIBKS dan pihak sekolah melaksanakan ziarah cakna (*outreach*/jangkauan luar) bagi membantu mengatasi masalah murid cicir supaya kembali ke sekolah; dan
- 5.15.3 Bekerjasama dengan PIBKS dan pihak sekolah untuk meningkatkan kesedaran komuniti setempat dalam menangani isu murid cicir.

6.0 PENUTUP


Garis Panduan Sistem Pengesanan Kementerian Pendidikan Malaysia (SiPKPM) dalam Mengurus Murid Berisiko Cicir dan Murid Cicir di Sekolah bawah Kementerian Pendidikan Malaysia perlu dipatuhi oleh semua pihak yang berkenaan dan dimanfaatkan sepenuhnya supaya murid kekal dalam sistem persekolahan KPM. Seterusnya, pematuhan garis panduan ini juga dapat memastikan intervensi murid cicir dijalankan secara sistematik dan berfokus.

CARTA ALIR PELAKSANAAN MENGRURUS MURID CICIR DI KPM




LAMPIRAN G

CARTA ALIR PELAKSANAAN MENGRURUS MURID CICIR DI JPN



CARTA ALIR PELAKSANAAN MENGURUS MURID CICIR DI PPD



LAMPIRAN I

CARTA ALIR PELAKSANAAN MENGRURUS MURID CICIP DI SEKOLAH

